

**PENGARUH PEMBINAAN TERMINAL PENGANGKUTAN AWAM
DI PEKAN KUKUP TERHADAP KAWASAN PELANCONGAN SETEMPAT**

Oleh

YAHYA AHMAD BIN OMAR

Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur
Universiti Teknologi Mara
Shah Alam

Mac 2002

PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah ke hadrat illahi atas limpah kurnianya dapat juga saya menyiapkan kajian akhir ini dengan sebaiknya. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih ditujukan kepada penyelia kajian akhir Cik Muna bt. Sarimin kerana telah berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam memberi tunjuk ajar untuk menyiapkan kajian ini dengan sebaik mungkin.

Ucapan ini juga ditujukan kepada JPBD terutamanya kepada Encik Faizul b. Hj. Abdullah yang bertindak sebagai koordinator kajian akhir dan pensyarah yang lain atas kerjasama kalian semua meluluskan penangguhan kajian ini. Begitu juga dengan segala ilmu berkenaan perancang bandar yang dicurahkan.

Ucapan sekalung budi juga diucapkan kepada Majlis Daerah Pontian yang terlibat dalam menjayakan kajian ini terutamanya kepada Encik Noraffendi b. Bachok kerana tanpa mengenal erti penat telah berusaha memberikan dan mencari maklumat-maklumat yang dikehendaki.

Tidak lupa juga, ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli keluarga terutamanya kepada ibu saudara . dan kedua ibu bapa, adik dan kakak yang memberi sokongan padu disepanjang pengajian di menara gading ini.

Akhir sekali, kepada rakan seperjuangan yang berusaha bersama-sama sejak dari semester satu hingga kini. Kepada rakan-rakan sekampung yang turut serta dalam menjalankan soal selidik. Jasa kalian semua akan ku ingat hingga ke akhir hayat. Semoga hidup kalian akan diberkati oleh Allah. Inshaallah.....

Sekian, wassalam

ABSTRAK

Kajian pengaruh terminal pengangkutan awam di Pekan Kukup terhadap kawasan pelancongan setempat dibuat bertujuan untuk mengenalpasti kesan yang mungkin wujud di dalam pembangunan terminal ini kepada kawasan pelancongan. Pada peringkat awalan telah dikenalpasti beberapa teori yang berkaitan dengan kajian ini. Kepelbagaian kajian ilmiah yang dibuat bertujuan untuk memberikan pendedahan secara umum mengenai pengangkutan awam dan kesannya dengan pembangunan industri pelancongan. Kaji selidik terhadap penduduk dan pengunjung di kawasan pelancongan turut dilakukan bagi mengenalpasti isu dan masalah yang mungkin wujud di dalam kawasan kajian. Daripada kaji selidik yang telah dibuat, hampir kesemua pengunjung dan penduduk bersetuju dengan kepentingan pengangkutan awam ini kepada sektor pelancongan. Pembinaan terminal pengangkutan awam ini dijangka berupaya untuk menjana aktiviti pelancongan di Kukup dan sekitarnya. Justeru itu, beberapa cadangan am telah dicadangkan samada dari aspek pengangkutan ataupun pelancongan sebagai alternatif di dalam mempelbagaikan perkhidmatan pengangkutan kepada orang ramai. Walau bagaimanapun, di dalam pelaksanaan cadangan ini ianya memerlukan usahasama yang erat di antara masyarakat sekitar dan juga agensi kerajaan yang terlibat.

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	viii
Senarai Lampiran	ix

ISI KANDUNGAN

BAB 1	Pengenalan	m/s
1.1	Pengenalan	1
1.2	Kenyataan Masalah	3
1.3	Tujuan Kajian	4
1.4	Objektif	4
1.5	Skop Kajian	5
1.6	Kaedah Kajian	6
1.7	Peringkat Kajian	7
1.8	Carta Alir Kerja	8
BAB 2	KAJIAN LATAR DAN KAWASAN KAJIAN	
2.1	Pengenalan	9
2.2	Kepentingan Sektor Pengangkutan Kepada Sektor Pelancongan	9
2.3	Sistem Pengangkutan Awam	11

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pengangkutan awam merupakan kenderaan berenjin atau tidak berenjin di mana ia memberikan perkhidmatan kepada orang ramai sebagai satu kemudahan perjalanan dari satu tempat dengan mengenakan kadar bayaran sebagai tambang. Lazimnya pengangkutan awam yang komprehensif terdiri daripada terminal pengangkutan, hentian bas, keselamatan koc serta keutamaan keselesaan yang diberikan kepada penumpangnya. Menurut J. G Bel, (1984) terminal bolehlah diertikan sebagai satu tempat yang bertindak sebagai tempat permulaan dan berakhirnya operasi pengangkutan. Terminal juga sebenarnya turut dijadikan sebagai perantara kepada pertukaran mod pengangkutan samada persendirian atau awam. Oleh itu, perhatian terhadap pembangunan sektor pengangkutan ini dipercayai amat penting dari masa ke semasa memandangkan ianya merupakan nadi utama untuk pembangunan.

Dewasa ini, dengan berkembangnya sistem pengangkutan awam yang semakin moden di serata dunia, terdapat berbagai jenis pengangkutan yang dapat digunakan dengan cepat, selamat dan lebih selesa. Perkembangan sektor pengangkutan ini juga telah membawa kemajuan khususnya kepada sektor pelancongan. Oleh yang demikian, atas kesedaran inilah perkembangan sektor pelancongan amat bergantung kepada penyediaan pengangkutan awam yang lebih efisien di dalam mempergiatkan aktiviti pelancongan.

Kukup yang terletak di dalam Daerah Pontian merupakan salah satu pusat perkampungan pelancongan yang terkenal di dalam Negeri Johor. Perkembangan pelancongan kawasan ini juga turut memberi impak pembangunan yang menyeluruh dalam pelbagai aspek kepada kawasan sekitar samada dari aspek kemudahan infrastruktur, lalulintas, pengangkutan dan sebagainya.